

SULIT

NO. KAD PENGENALAN

|  |  |  |  |  |  |  |  |  |  |  |  |  |  |  |  |  |  |  |  |
|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|
|  |  |  |  |  |  |  |  |  |  |  |  |  |  |  |  |  |  |  |  |
|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|

ANGKA GILIRAN

|  |  |  |  |  |  |  |  |  |  |
|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|
|  |  |  |  |  |  |  |  |  |  |
|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|



LEMBAGA PEPERIKSAAN  
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2010

5226/1

TASAWWUR ISLAM

Kertas 1

Nov./Dis.

1  $\frac{1}{4}$  jam

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Tulis nombor kad pengenalan dan angka giliran anda pada petak yang disediakan.
2. Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
3. Jawab semua bahagian.
4. **Bahagian A** mengandungi 20 soalan. Jawab setiap soalan dengan menghitamkan ruangan yang betul di halaman 12 dalam kertas soalan ini.
5. **Bahagian B** mengandungi 20 soalan. Jawab semua soalan. Jawapan anda hendaklah ditulis pada ruangan jawapan yang disediakan dalam kertas soalan ini.
6. Anda dinasihati supaya mengambil masa 30 minit untuk menjawab soalan **Bahagian A** dan 45 minit untuk **Bahagian B**.

| Untuk Kegunaan Pemeriksa |        |              |                  |
|--------------------------|--------|--------------|------------------|
| Kod Pemeriksa:           |        |              |                  |
| Bahagian                 | Soalan | Markah Penuh | Markah Diperoleh |
| A                        | 1-20   | 20           |                  |
| B                        | 21-40  | 20           |                  |
| Jumlah                   |        | 40           |                  |

Kertas soalan ini mengandungi 12 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak.

[Lihat halaman sebelah

SULIT



## Bahagian A

[20 markah]

1. Antara yang berikut yang manakah betul mengenai bilangan nama Allah SWT dan sifat wajib bagi diri-Nya?

|   | Nama Allah | Sifat wajib |
|---|------------|-------------|
| A | 100        | 20          |
| B | 100        | 41          |
| C | 99         | 20          |
| D | 99         | 41          |

2. Antara keistimewaan insan berbanding makhluk lain ialah
- A makan dan minum dengan sempurna
  - B sentiasa beribadat kepada Allah SWT
  - C berkomunikasi antara satu dengan lain
  - D dilantik menjadi khalifah di muka bumi
3. Antara yang berikut yang manakah membezakan taraf manusia di sisi Allah SWT?
- A Akal yang sempurna
  - B Berasal daripada tanah
  - C Keturunan nabi Adam a.s.
  - D Ketaqwaan kepada Allah SWT
4. Pilih pernyataan yang benar tentang alam musyahadah (alam nyata).
- A Manusia boleh memanfaatkannya untuk membina tamadun.
  - B Tidak boleh ditanggapi oleh pancaindera.
  - C Nikmat yang diperoleh berkekalan.
  - D Akal tidak mampu memikirkannya.
5. Pernyataan di bawah menunjukkan Islam sebagai cara hidup yang lengkap **kecuali**
- A Islam merangkumi aqidah, ibadah dan akhlak
  - B Islam memberikan kebebasan mutlak kepada umatnya
  - C Islam tidak hanya tertumpu kepada soal ibadat semata-mata
  - D Islam menyeru ke arah kebaikan dan mencegah kemungkaran

- Mengeratkan hubungan persaudaraan.
- Melahirkan semangat tolong-menolong.
- Membangunkan ekonomi dengan cara yang direcai oleh Allah SWT.

- 6 Pernyataan di atas menerangkan
- A ciri-ciri muamalah
  - B sistem muamalah
  - C tujuan muamalah
  - D peraturan muamalah
- 7 Antara yang berikut yang manakah menjelaskan kepentingan harta terhadap pembangunan masyarakat?
- I Meningkatkan taraf pendidikan
  - II Membantu golongan yang ditimpa musibah
  - III Mewujudkan golongan yang hidup dalam kemewahan
  - IV Memberikan pinjaman modal untuk memulakan perniagaan
- A I, II dan III
  - B I, II dan IV
  - C I, III dan IV
  - D II, III dan IV
- 8 Antara yang berikut yang manakah perbuatan yang boleh memupuk perpaduan dalam masyarakat majmuk?
- I Menghapuskan kegiatan jenayah
  - II Menghormati pandangan setiap pihak
  - III Menyertai semua keraian keagamaan
  - IV Menggayakan pakaian masyarakat berbilang kaum
- A I dan II
  - B II dan III
  - C III dan IV
  - D I dan IV

- 9 Antara yang berikut yang manakah cara Islam menyelesaikan masalah kemiskinan dalam kalangan umatnya?
- A Menyertai projek amal
  - B Membayar zakat fitrah
  - C Mewujudkan peluang pekerjaan
  - D Menjauhi perbuatan rasuah dan riba
- 10 Pilih pernyataan yang **salah** tentang kepentingan taubat.
- A Melahirkan keinsafan diri
  - B Menjamin kecerdasan minda
  - C Memperoleh ketenangan jiwa
  - D Mengukuhkan keperibadian individu

Hakim memutuskan hukuman supaya suami menceraikan isterinya setelah suami tidak melaksanakan tanggungjawabnya.

- 11 Kenyataan di atas merujuk kepada contoh
- A fikah
  - B fatwa
  - C qadha
  - D ijtihad

- Mudah berubah-ubah.
- Kebenarannya bersifat relatif.
- Terhad kepada alam musyahadah.

- 12 Pernyataan di atas merujuk kepada
- A akidah
  - B alam
  - C akal
  - D akhlak

13 Antara yang berikut yang manakah cara menguruskan harta menurut Islam?

- A Membelanjakan harta dalam semua perkara
- B Merangka perbelanjaan harta sebulan sekali
- C Memanfaatkan harta untuk kepentingan orang ramai
- D Melaksanakan tanggungjawab sosial seperti gotong-royong

14 Pilih padanan jawapan yang betul.

|   | Jenis Muamalah | Keterangan   |
|---|----------------|--|
| A | Al-Musyarakah  | Mewakilkkan sesuatu barangan kepada seseorang untuk disimpan dan diurus. |
| B | Al-Murabahah   | Berkongsi modal dan keuntungan dalam kegiatan ekonomi.                   |
| C | Al-Wadiah      | Akad jual beli bagi barangan tertentu.                                   |
| D | Ar-Rahn        | Menjadikan sesuatu harta sebagai cagaran untuk mendapatkan pinjaman.     |

15 Antara yang berikut yang manakah perkara yang boleh merosakkan pahala ibadat kepada Allah SWT?

- I Riak
  - II Ujub
  - III Takbur
  - IV Kitman
- A I, II dan III
  - B I, II dan IV
  - C I, III dan IV
  - D II, III dan IV

[Lihat halaman sebelah  
SULIT

- 16 Ciri-ciri penyelesaian masalah yang dituntut dalam Islam ialah
- I menepati kehendak syarak
  - II dilakukan secara berterusan
  - III penyelesaian secara bersepadu
  - IV mendahulukan kepentingan individu
- A I, II dan III  
B I, II dan IV  
C I, III dan IV  
D II, III dan IV
- 17 Pilih pernyataan yang menunjukkan keistimewaan ajaran Islam.
- A Mengakui semua agama adalah benar.  
B Memberikan kebaikan kepada seluruh alam.  
C Menyeru umatnya sentiasa bertolak ansur dalam semua perkara.  
D Memberi kebebasan mutlak kepada umatnya untuk mencari harta.
- 18 Antara yang berikut yang manakah contoh *karamah*?
- A Awan yang melindungi Rasulullah SAW semasa baginda berjalan.  
B Qarun beroleh kekayaan yang luar biasa menjadi sombong dan kufur.  
C Haji Zakaria terlibat dalam kemalangan yang dahsyat tetapi terselamat.  
D Maryam ibu kepada Nabi Isa a.s. dianugerahkan hidangan dari langit ketika beribadat.
- 19 Antara yang berikut yang manakah **bukan** kepentingan perkahwinan terhadap seseorang individu?
- A Melahirkan zuriat yang sah  
B Memupuk keperibadian yang luhur  
C Memberikan ketenangan dalam hidup  
D Menjamin ikatan persaudaraan yang kukuh
- 20 Antara yang berikut yang manakah pemikiran yang bercanggah dengan wahyu?
- A Memikirkan cara memakmurkan alam  
B Memikirkan cara memajukan diri  
C Memikirkan zat Allah SWT  
D Memikirkan cara beribadat yang mudah

**Bahagian B**

[20 markah]

**Soalan 21 hingga Soalan 24**

Tulis istilah yang bersesuaian dengan pernyataan berikut pada ruangan yang disediakan.

21 Rasul-rasul yang memiliki kesabaran yang amat tinggi dalam menghadapi rintangan ketika menyampaikan dakwah.



22 Perintah daripada Allah SWT yang disampaikan kepada nabi dan rasul melalui perantaraan Jibril.



23 Saling bantu-membantu antara satu sama lain apabila ditimpa musibah.



24 Perbuatan menyekutukan Allah SWT dengan sesuatu yang lain.


**Soalan 25 hingga Soalan 28**

Lengkapkan pernyataan berikut:

25 Ahli \_\_\_\_\_ terdiri daripada khalifah, ulama dan mereka yang mempunyai kepakaran dalam bidang masing-masing.

26 Dalam konsep \_\_\_\_\_ pelaksanaan hukum halal dan haram adalah tetap dan tidak boleh diubah.

27 Imam Syafii r.a. merupakan seorang \_\_\_\_\_ Islam yang banyak mengeluarkan hukum yang tidak dinyatakan dengan jelas dalam al-Quran dan al-Hadis sebagai panduan umat Islam.

28 Hukum \_\_\_\_\_ ialah perkara yang diberikan kebebasan kepada seseorang untuk melakukan atau meninggalkannya.

[Lihat halaman sebelah  
SULIT

Soalan 29 dan Soalan 30 berdasarkan Jadual A di bawah.

| <b>Hak Rakyat</b>                         |   |
|---|---|
| Hak memilih pemerintah                    | Rakyat boleh memilih pemerintah yang berkelayakan dan berwibawa untuk mentadbir.  |
| <b>L</b>                                  | Pemerintah sewajarnya menyediakan peluang mendapatkan ilmu yang sama kepada seluruh rakyat tanpa mengira kaum.          |
| Hak mendapat perlindungan dan keselamatan | Rakyat dilindungi daripada musuh dan dijamin keselamatan nyawa, agama, akal, maruah diri dan harta benda mereka.        |
| <b>M</b>                                  | Islam memberi kebebasan kepada penganutnya untuk berfikir serta mengeluarkan idea masing-masing untuk kebaikan sejagat. |

Jadual A

|  |   |
|--|---|
|  | 1 |
|--|---|

29 L ialah hak \_\_\_\_\_.

|  |   |
|--|---|
|  | 1 |
|--|---|

30 M ialah hak \_\_\_\_\_.

Soalan 31 dan Soalan 32 berdasarkan Jadual B di bawah.

Berikut ialah golongan yang tidak layak menguruskan harta.

| <b>N</b>   | <b>O</b>  | <b>Orang gila</b>   |
|--|---|---|
| Mereka tidak layak menguruskan harta sebelum mencapai umur dewasa. Apabila mereka telah dewasa, harta tersebut diserahkan kepada mereka. | Tidak layak menguruskan harta kerana tidak mencapai umur kematangan berfikir. | Tidak siuman, tidak layak menguruskan harta kerana tidak boleh mengendalikan harta dengan baik. |

Jadual B

|  |   |
|--|---|
|  | 1 |
|--|---|


31 N ialah \_\_\_\_\_.

|  |   |
|--|---|
|  | 1 |
|--|---|

32 O ialah \_\_\_\_\_.



Soalan 33 hingga Soalan 34 berdasarkan Carta A di bawah.



Carta A

Berdasarkan Carta A di atas,

33 P ialah nilai \_\_\_\_\_.

34 Q ialah nilai \_\_\_\_\_.

|  |   |
|--|---|
|  | 1 |
|--|---|

|  |   |
|--|---|
|  | 1 |
|--|---|

Soalan 35 hingga Soalan 36

Carta B di bawah menunjukkan perlakuan yang mesti dilakukan sebelum sesuatu masalah dapat diselesaikan.



Carta B

Berdasarkan Carta B di atas,

35 R ialah \_\_\_\_\_.

36 S ialah \_\_\_\_\_.

|  |   |
|--|---|
|  | 1 |
|--|---|

|  |   |
|--|---|
|  | 1 |
|--|---|

[Lihat halaman sebelah  
SULIT

**Soalan 37 hingga Soalan 40**

Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul.  
Tandakan (X) pada pernyataan yang salah.

|   |
|---|
| 1 |
|---|

37 Prinsip al-Musawah dalam pemerintahan Islam bertujuan mengiktiraf dan menjamin hak serta tanggungjawab setiap individu.

|   |
|---|
| 1 |
|---|

38 Islam membenarkan umatnya berpakaian mengikut fesyen terkini selagi ia bersesuaian dengan hukum syarak.

|   |
|---|
| 1 |
|---|

39 Memberi didikan agama dengan sempurna kepada keluarga adalah tanggungjawab utama isteri.

|   |
|---|
| 1 |
|---|

40 Umat Islam dituntut supaya menyelesaikan sesuatu masalah mengikut kepentingan hidup.

**KERTAS SOALAN TAMAT**

|                              |
|------------------------------|
| <b>Markah<br/>Bahagian B</b> |
|                              |